

Mesej Akidah dan Syariah dalam Komunikasi Dakwah Orang Asli Muslim di Selangor

BITARA

Volume 3, Issue 2, 2020: 173-185
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Messages of Akidah and Syariah in Da'wah Communication to the Muslim Orang Asli in Selangor]

Zulkefli Aini¹ & Nur Usrah Ahmad Fauzi¹

Abstrak

Kajian lepas menunjukkan tahap penghayatan ajaran Islam dalam kalangan Orang Asli muslim masih rendah. Keadaan ini disebabkan mereka kurang berpengetahuan tentang perkara-perkara asas dalam ajaran Islam seperti akidah dan syariah. Oleh itu, kajian ini menganalisis topik-topik akidah dan syariah dalam pengetahuan Orang Asli yang dibincangkan bersama pendakwah. Data diperolehi daripada temubual mendalam bersama sembilan orang pendakwah yang aktif berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Selangor. Kajian mendapati topik-topik akidah meliputi perkara-perkara tertentu dalam rukun iman, iaitu kepercayaan kepada Allah, kepercayaan kepada hari akhirat dan kepercayaan kepada qada' dan qadar. Manakala topik-topik syariah adalah berkaitan dengan fekah ibadah, iaitu bersuci, solat, puasa, zakat dan haji; fekah muamalah, iaitu jual beli; dan fekah munakahat, iaitu perkahwinan dan perceraian.

Kata kunci:

Akidah; Syariah; Orang Asli; Pendakwah; Penghayatan Agama

Abstract

Previous studies show that the level of appreciation of Islam among Muslim Orang Asli is still low. Among the factors that cause this to occur is their own weak effort to deepen their knowledge in Islam such as in akidah (Islamic faith) and syariah (Islamic laws). Accordingly this study aims to analyze specific topics of akidah and syariah within the paradigm of knowledge among the Orang Asli which were discussed with Muslim preachers. The data was collected through in-depth interview technique involving nine preachers who were active in da'wah activity to the Orang Asli community in Selangor. The study found that the topics of akidah frequently raised by the Orang Asli is concerned about belief in Allah, belief in Malaikat, and belief in Qada' and Qadar. Meanwhile, the topics of syariah were focused by them were on fiqh Ibadah (such as performing solat, fasting, zakat and hajj), fiqh muamalah (such as transactions between seller and purchaser) and fiqh munakahat (such as marriage and divorce).

Key words:

Akidah (Islamic faith); Syariah (Islamic Laws); Orang Asli; Muslim Preachers; appreciation of Islam.

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

ZULKEFLI AINI, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: zulaini@ukm.edu.my

Cite This Article:

Zulkefli Aini & Nur Uswah Ahmad Fauzi. 2020. Mesej akidah dan syariah dalam komunikasi dakwah Orang Asli Muslim di Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 173-185.

Pengenalan

Orang Asli merupakan etnik peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134, Pindaan 1974), Orang Asli merujuk kepada:

- a. Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu;
- b. Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan yang telah dididik sebagai seorang Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli; atau
- c. Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

Berdasarkan data Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (2014), keseluruhan penduduk Orang Asli di negara ini berjumlah 178197 orang. Data Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menunjukkan bahawa mereka terdiri daripada tiga kaum, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Setiap kaum terdiri daripada enam suku kaum sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Pecahan Suku Kaum Orang Asli

| Bil | Kaum | Suku Kaum |
|------------|-------------|--|
| 1. | Negrito | Kintak Kensiu Jahai Mendrik Batek Lanoh |
| 2 | Senoi | Semai Temiar Jah-Het Semaq Beri Mah Meri Che Wong |

| | |
|------------------------|---|
| 3. Melayu-Proto | Temuan Jakun Semelai Orang Seletar Orang Kuala Orang Kanaq |
|------------------------|---|

Sumber: JAKOA

Kajian menunjukkan bahawa penempatan penduduk Orang Asli mempengaruhi sosio budaya masyarakat Orang Asli daripada segi kegiatan ekonomi sehari-hari, sistem kemasyarakatan, kepercayaan dan amalan ritual, sistem norma, adat dan pantang larang, bahasa dan sistem norma (Anon 2002; Jo Komar dan W.A. Amir Zal 2014; Ramlee 2014; Ramlee 2015). Ia juga mencorakkan pola tingkah laku, pemikiran, nilai dan aktiviti masyarakat. Dalam konteks kepercayaan dan amalan ritual masyarakat Orang Asli, umumnya mereka mempercayai kehidupan manusia dikuasai oleh suatu kuasa yang terdiri daripada makhluk ghaib. Kuasa tersebut dipercayai sebagai pencipta alam dan sistem kosmologi yang ada di alam ini, penjaga kebaikan manusia, pengawal tingkah laku manusia ketika berhubungan dengan alam. Sehubungan dengan itu, mereka mempunyai pantang larang dan adat tertentu yang berkaitan dengan kuasa tersebut. Selain daripada itu, mereka juga mempercayai kuasa yang terdapat pada manusia yang luar biasa seperti roh nenek moyang yang telah meninggal dunia dan manusia yang masih hidup yang mempunyai hubungan dengan kuasa makhluk ghaib. Kepercayaan, amalan ritual, adat dan pantang larang yang dianuti tidak menghalang mereka berinteraksi dengan masyarakat luar termasuklah orang Islam dan institusi berorientasikan agama Islam. Malah ada dalam kalangan mereka bersikap terbuka terhadap usaha mengintegrasikan komuniti mereka dalam masyarakat arus perdana (Ma'Rof Redzuan dan Abdul Razak 2008). Kesan komunikasi mereka secara harmoni bersama masyarakat Islam, ada dalam kalangan mereka yang memeluk agama Islam samada di tangan seseorang pendakwah maupun organisasi dakwah seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis dan Jabatan agama Islam Negeri, pertubuhan bukan kerajaan seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin. (UniSZA) (Ramlee 2015).

Dalam konteks di Selangor, kajian menunjukkan bahawa jumlah pengislaman yang berlaku dalam kalangan Orang Asli di Selangor adalah seramai 19,761 orang (JAKOA, 2014). Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bilangan mereka yang memeluk agama Islam agak perlahan, iaitu sekitar 27.6% (JAKIM, 2015). Dengan kadar yang sedikit itu juga, kajian menunjukkan bahawa kualiti mereka sebagai muslim juga berada di tahap rendah (Ramlee 2015; Abd. Ghafar 2014). Menurut Ramlee (2015) tahap sedemikian disebabkan ada dalam kalangan mereka menganggap agama Islam hanya sebagai “label” rasmi status agama dalam konteks hubungan dengan masyarakat luar. Di samping itu, kepercayaan animisme yang mereka anuti terlalu menebal sehingga menyukarkan mereka untuk menghayati ajaran agama Islam. Menurut Zulkefli, Abdul Ghafar dan Nur Usrah (2018), dan Faiz (2018) keadaan seperti ini juga disebabkan pendakwah tidak menekankan aspek kemahiran mengenalpasti topik-topik

penting yang menjadi kebiasaan dalam proses komunikasi antara pendakwah dengan masyarakat Orang Asli. Di samping itu, keadaan ini juga disebabkan pengetahuan dan penghayatan mereka terhadap ajaran Islam terutama dalam perkara yang melibatkan akidah dan syariah masih berada di tahap minimum (Ramlee 2015). Sehubungan dengan itu, artikel ini menganalisis topik-topik akidah dan syariah dalam pengetahuan masyarakat Orang Asli muslim yang pernah dikemukakan dan dibincangkan bersama pendakwah dalam proses komunikasi dakwah.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes yang dijalankan bertujuan meneliti secara mendalam fenomena berkaitan gerak kerja dakwah melalui pendakwah masyarakat Orang Asli di negeri Selangor sebagai peserta kajian. Data dikumpulkan melalui temubual mendalam dengan menggunakan kaedah temu bual separa struktur yang dijalankan bersama sembilan orang pendakwah yang bertugas secara rasmi dalam aktiviti dakwah Orang Asli samada lantikan daripada JAKIM sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), lantikan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai Panel Dakwah Muallaf dan Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Orang Asli Selangor dan Yayasan Khalifah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1. Mereka terdiri daripada lima orang lelaki dan empat orang perempuan. Mereka dipilih secara bertujuan mengikut kriteria tertentu iaitu keaktifan dan tempoh pengalaman melebihi 10 tahun berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di perkampungan mereka di seluruh negeri Selangor seperti di Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Petaling, Gombak dan Hulu Selangor. Pembinaan instrumen temu bual berdasarkan objektif yang ditentukan dengan mengambil kira maklumat yang diperoleh daripada kajian literatur dan dikategorikan mengikut tema-tema tertentu yang bersesuaian dengan objektif kajian. Item-item temu bual tertumpu kepada persoalan-persoalan utama yang diajukan oleh masyarakat Orang Asli kepada pendakwah dalam perkara yang melibatkan akidah sebagaimana yang terdapat dalam rukun iman dan syariat yang merangkumi aspek ibadah, muamalah, munakahat dan jenayah. Item-item tersebut dinilai dan disahkan oleh tiga orang panel yang terdiri daripada ahli akademik Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti Fakulti Pengajian Islam UKM yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah Orang Asli dan komunikasi dakwah. Data-data yang diperolehi melalui tembual bersama peserta kajian dikemukakan semula kepada mereka untuk disahkan berdasarkan pendekatan penilaian persetujuan unit analisis melalui kaedah Cohen Kappa. Penganalisaan data temu bual menggunakan kaedah analisis tematik berdasarkan kod-kod tertentu yang membentuk pola dapatan kajian.

Jadual 1: Senarai Peserta Kajian

| Kod Peserta Kajian | Jantina | Jawatan | Tempoh Lama Aktif |
|---------------------------|----------------|---|--------------------------|
| PK1 | Lelaki | Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM | 15 tahun |
| PK2 | Lelaki | Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM | 12 tahun |
| PK3 | Perempuan | Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM | 16 tahun |
| PK4 | Lelaki | Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM | 15 tahun |
| PK5 | Perempuan | Panel Dakwah Muallaf MAIS | 12 tahun |
| PK6 | Perempuan | Panel Dakwah Muallaf MAIS | 12 tahun |
| PK7 | Perempuan | Panel Dakwah Muallaf MAIS | 15 tahun |
| PK8 | Lelaki | Timbalan Pengerusi Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Orang Asli Selangor | 15 tahun |
| PK9 | Lelaki | Pengerusi Yayasan al-Khalifah | 30 tahun |

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Topik akidah yang menjadi fokus kajian ini adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan rukun iman. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas daripada pendakwah, perkara-perkara dalam rukun iman yang menjadi perhatian Orang Asli muslim hanyalah berkisar tentang keimanan kepada Allah SWT, keimanan kepada hari akhirat dan keimanan kepada *qada'* dan *qadar* sahaja. Ini adalah berdasarkan persoalan-persoalan yang dikemukakan kepada pendakwah. Sementara itu, menurut pendakwah topik syariah tidak menjadi fokus dalam perbincangan bersama Orang Asli muslim. Mereka didapati tidak mengemukakan persoalan yang berkaitan dengan aspek-aspek dalam syariah seperti ibadah kecuali beberapa perkara yang menyentuh kehidupan orang Melayu muslim yang dilihat tidak mengamalkan ajaran Islam seperti ibadah puasa. Walau bagaimanapun, pendakwah berusaha memperkenalkan topik syariah dalam perkara-perkara tertentu sahaja seperti bersuci, wuduk, solat, puasa dan perkahwinan. Usaha ini dilakukan supaya masyarakat Orang Asli mempunyai pengetahuan agama mereka dan mempertingkatkannya supaya menjadi muslim yang baik walaupun penerangan yang diberikan adalah secara bertahap dan mengikut tahap pemikiran mereka (Zulkefli et. al. 2019).

Topik akidah

Keimanan kepada Allah SWT

Kajian mendapati bahawa topik akidah dalam bab keimanan kepada Allah SWT merupakan topik yang sering ditanya oleh Orang Asli muslim. Kajian mendapati bahawa persoalan keimanan kepada Allah SWT merupakan topik yang sering diajukan kepada pendakwah bagi memahami ajaran Islam daripada sudut akidah. Topik-topik tersebut ialah kewujudan Allah SWT, kekuasaan-Nya dan sifat-sifat kesempurnaan-Nya. Secara umumnya, pendakwah pula tidak mempunyai masalah yang besar untuk menjelaskan persoalan akidah yang dikemukakan kepada mereka. Ini kerana kajian menunjukkan bahawa persoalan ketuhanan yang dibangkitkan oleh masyarakat Orang Asli muslim kepada pendakwah mempunyai kaitan dengan pola pemikiran mereka tentang konsep supernatural sebagaimana yang dibincangkan oleh Arabestani & Juli Edo (2011). Pembentukan kehidupan sosial masyarakat Orang Asli hanya bergantung kepada kawalan kepercayaan “supernatural” yang menebal diwarisi daripada kepercayaan nenek moyang mereka.

Ketika menerangkan kepada Orang Asli tentang kewujudan Allah SWT, PK 2 misalnya, mengaitkannya dengan kewujudan dan penciptaan di sebalik sesuatu yang ada di sekeliling manusia termasuk diri manusia itu sendiri. Di samping itu, pendedahan tentang ciptaan Allah SWT seperti langit dan bumi secara tidak langsung menyingskap segala kelemahan manusia yang bersifat tidak kekal. Pendekatan yang sama diambil oleh PK 4, PK 6, PK 7 dan PK 8 ketika menerangkan kepada mereka tentang bukti kekuasaan Allah SWT iaitu dengan membawa pelbagai contoh kejadian yang berlaku di sekeliling mereka seperti pokok, langit, bintang, gunung ganang dan pertukaran siang malam. Pendekatan seperti ini bersesuaian dengan pandangan Sa`id Hawwa (2007), yang mengatakan bahawa pendekatan memperkenalkan tentang kewujudan Allah SWT melalui segala ciptaan-Nya menunjukkan secara jelas bahawa integrasi bukti-bukti tersebut bertentangan dengan kemampuan dan fitrah kemanusiaan. Penerangan secara logik tersebut dapat menangkis keraguan dan meningkatkan keyakinan terhadap kewujudan Allah SWT.

PK 4 turut menjelaskan kepada mereka bahawa kepercayaan animisme yang meminta dan memuja kepada kuasa lain seperti kayu, pokok, sungai dan batu serta menyeru kepada penunggu gua, penunggu sungai, penunggu bukit membuktikan kuasa Allah SWT adalah lebih kekal dan pemujaan yang dilakukan dalam kepercayaan animisme adalah kepada sesuatu yang tidak berkuasa kerana Allah yang menciptanya. Pendekatan yang diambil oleh PK 4 seperti itu kerana pegangan animisme masyarakat Orang Asli pada asalnya mempunyai kepercayaan bahawa wujudnya tuhan sebagai kuasa yang tertinggi (Azyantee, 2013). Namun, menurut Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee & Ishak (2016) kepercayaan ini disokong dengan satu doktrin tentang penghormatan dan pemujaan terhadap kewujudan roh dan semangat yang wujud pada objek yang tidak bernyawa seperti logam, bentuk geografi dan fenomena alam sesuatu tempat. Pegangan ini rentetan daripada keyakinan mereka bahawa roh dan semangat yang wujud memainkan dua peranan penting sama ada mengganggu manusia atau membantu kehidupan mereka.

Berkenaan tentang sifat kesempurnaan Allah SWT pula, PK 3 mengalami cabaran untuk menerangkannya kepada Orang Asli. Ini disebabkan mereka tidak mampu memahami dan

mengingati konsep 20 sifat kesempurnaan bagi Allah SWT yang digambarkan dalam bilangan yang banyak. Namun, secara asasnya penjelasan tentang tiga sifat kesempurnaan Allah SWT yang terawal iaitu *wujud*, *qidam* dan *baqa'* dapat juga difahami oleh Orang Asli secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, PK 3 menjelaskan kurangnya aspek kefahaman terhadap sifat kesempurnaan Allah SWT boleh menjelaskan penghayatan Islam masyarakat Orang Asli. Pandangan ini selari dengan pendapat PK 7 yang mengatakan bahawa berlakunya kekeliruan Orang Asli terhadap kefahaman tentang sifat wajib dan sifat mustahil bagi Allah SWT yang memerlukan pendakwah menimbulkan persoalan dan hujah logik dengan mengelakkan penggunaan ayat-ayat al-Quran.

Keimanan kepada Hari Akhirat

Kajian mendapati topik hari akhirat dikemukakan dalam konteks kehidupan selepas kematian dan balasan terhadap setiap perlakuan di dunia. Oleh kerana mereka juga mempunyai kepercayaan dan amalan yang berkaitan dengan kematian sebagaimana yang dibincangkan oleh Jo Komar & W.A. Amir Zal (2014), persoalan tentang keimanan kepada hari akhirat adalah menjurus kepada memperkasakan kefahaman mereka tentang topik tersebut. Justeru, apabila pendakwah berkomunikasi dengan mereka untuk menerangkan topik tersebut, kajian mendapati pendakwah tidak mempunyai cabaran yang besar. Sebagai contoh, PK 5 menjelaskan kepada Orang Asli dalam bentuk penceritaan tentang keadaan orang yang berada di dalam kubur selepas mereka meninggal dunia dengan mengaitkan tiga perkara yang ditinggalkan oleh si mati iaitu anak yang soleh, ilmu yang bermanfaat dan amal kebajikan. Pendekatan ini secara tidak langsung adalah untuk memantapkan akidah waris-waris si mati yang masih hidup untuk terus melakukan kebaikan.

Manakala, PK 3, PK 4 dan PK 9 menyentuh tentang konsep pahala dan dosa yang dikaitkan dengan amalan baik dan amalan buruk. Antara pekara yang dibincangkan ialah dosa besar yang tidak akan diampunkan oleh Allah SWT seperti syirik dengan menganggap bahawa ada kuasa lain selain Allah SWT dan dosa yang akan diampunkan oleh Allah SWT sekiranya seseorang itu bertaubat seperti mendedahkan aurat, minum arak dan makan babi. PK 3 turut menjelaskan bahawa perbuatan merungut ketika menjalankan sesuatu kerja dalam kehidupan harian akan mengurangkan pahala seseorang. Justeru, beliau menyarankan supaya memulakan sesuatu pekerjaan dengan kalimah *basmallah*. Ini secara tidak langsung mesej tersebut dapat dikaitkan dengan sifat ikhlas.

Menurut PK 1, ada kalangan Orang Asli yang bertanyakan tentang perbezaan antara penghuni syurga dengan neraka. Bagi menjawab pertanyaan tersebut, beliau menjelaskan bahawa syurga dihuni oleh orang yang baik ketika hidup di dunia. Neraka pula dihuni oleh orang yang jahat dan berdosa serta orang yang belum Islam. Menurut PK 6, ada juga dalam kalangan Orang Asli yang bertanyakan tentang keadaan orang yang melalui titian sirat di akhirat nanti. Pertanyaan tersebut dijawab dengan jelas dan ringkas iaitu apabila seseorang mengikut perintah Allah SWT maka mereka dapat melepassi titian sirat dengan mudah.

Keimanan kepada *Qada'* dan *Qadar*

Kajian mendapati topik tentang keimanan kepada *qada'* dan *qadar* ada dalam pengetahuan Orang Asli muslim. Ia adalah berkisar tentang amalan kehidupan sehari-hari mereka seperti konsep untung rugi dan tuah sial, serta konsep rezeki. Walau bagaimanapun, pengetahuan dan kefahaman mereka terbatas dan perlu distrukturkan semula tentang konsep *qada'* dan *qadar*. Ini sebagaimana pendapat PK 3 yang mengatakan bahawa ada kalangan masyarakat Orang Asli mempunyai kefahaman yang salah tentang *qada'* dan *qadar* apabila mereka menganggap bahawa sesuatu musibah yang berlaku adalah “sial” atau malapetaka yang menimpa diri mereka. Keadaan ini berlaku apabila ada kalangan Orang Asli yang mengamalkan upacara “mandi langit” yang bertujuan menolak bala dan anasir-anasir jahat (Azyantee 2013). Justeru, bagi membentulkan salah faham tersebut, PK 5, PK 6, PK 7, PK 8 dan PK 9 misalnya mengaitkannya dengan persoalan rezeki. Ini kerana menurut PK 6, kepercayaan *animisme* yang diamalkan secara turun temurun menganggap bahawa roh nenek moyang mereka yang mengurniakan rezeki dan mengawasi kehidupan mereka. Manakala PK 8 pernah diajukan pertanyaan tentang usaha mencari rezeki yang berterusan tetapi tidak memperoleh sebarang kekayaan. Bagi menjawab pertanyaan tersebut, PK 8 menjelaskan tentang konsep kekayaan dalam konteks sesuatu kurniaan rezeki yang dapat memenuhi keperluan hidup serta tidak mempunyai hutang dengan orang lain. Bagi PK 8, jawapan tersebut secara tidak langsung mengaitkannya dengan dengan sifat bersyukur dan tidak mudah putus asa. Manakala PK 9 menjelaskan topik keimanan dengan *qada'* dan *qadar* dengan menggunakan pendekatan penerangan berbentuk analogi. Dengan mengambil contoh kejadian pokok durian, beliau menimbulkan persoalan tentang kejadian pokok durian tersebut yang ditanam oleh nenek moyang tanpa disiram, ditengok dan tidak dijaga tetapi sehingga sekarang dapat mengeluarkan hasil iaitu berbentuk rezeki yang boleh dimakan. Beliau turut mengaitkannya dengan kekuasaan Allah SWT sebagai pemberi rezeki.

Keimanan kepada Malaikat

Kajian mendapati persoalan tentang keimanan kepada malaikat tidak mendapat tempat dalam pengetahuan masyarakat Orang Asli muslim. Walau bagaimanapun ada kalangan mereka yang pernah bertanyakan kepada pendakwah tentang perkaitan antara malaikat dengan kewujudan hantu dan jin. Justeru, berdasarkan pengalaman PK 2 dan PK 6, agak sukar menerangkan konsep malaikat dan perkaitannya dengan makhluk lain seperti jin dan hantu kerana kebanyakan masyarakat Orang Asli hanya menerima jawapan berdasarkan bahasa pancaindera. ada kalangan Orang Asli yang bertanyakan sama ada Malaikat mempunyai persamaan dengan kewujudan hantu dan jin. Sementara itu, menurut PK 8, ada kalangan Orang Asli yang cuba memahami topik malaikat apabila mengaitkannya dengan kepercayaan tentang kewujudan roh orang yang telah meninggal dunia sebagaimana yang terdapat dalam kalangan kaum Temuan yang disebut sebagai “Malikat”.

Keimanan kepada Kitab dan Rasul

Kajian mendapati bahawa topik berkenaan dengan kepercayaan kepada kitab (al-Quran) dan Rasul juga tidak mendapat tempat dalam pengetahuan masyarakat Orang Asli muslim. Keadaan ini disebabkan mereka tidak mempunyai latarbelakang kepercayaan yang berkaitan dengan panduan beragama yang mereka anuti selama ini melalui sesebuah kitab atau utusan yang menyampaikan ajaran kepercayaan mereka. Kesannya ialah apabila pendakwah berusaha menerangkan tentang topik keimanan kepada Kitab dan Rasul, mereka tidak memberikan maklum balas lisan dengan bertanyakan soalan berkenaan topik tersebut. Kajian mendapati, peserta kajian menghadapi cabaran dalam menjelaskan dan memahamkan topik tersebut. Justeru, sebagai usaha untuk menjadikan topik keimanan kepada Kitab suatu kebiasaan dalam kelas pengajian, beberapa pendekatan diambil oleh peserta kajian. PK 1, PK 2, PK 3, PK 5, PK 7 dan PK 8 menggunakan kaedah *iqra'*, iaitu mengenali huruf-huruf *hijaiyyah*. Mereka menyedari bahawa tahap pembelajaran dan pemikiran yang rendah dalam kalangan Orang Asli sebagaimana yang ditunjukkan oleh Abdul Sukor et. al. (2011) menjadikan kaedah tersebut sebagai langkah permulaan bagi memahamkan topik berkenaan. Di samping itu, ada kalangan masyarakat Orang Asli yang telah menunjukkan pencapaian *iqra'* di tahap 5 dan 6 serta terdedah dengan majlis bacaan surah Yasin. Sehubungan dengan itu, peserta kajian seperti PK 5 menggunakan pendekatan membaca surah Yasin berserta penerangan tentang keistimewaan, mukjizat dan keberkatan ayat-ayat al-Quran sebagai penawar sesuatu penyakit. Peserta kajian juga mengambil pendekatan menerangkan tentang topik kepercayaan kepada Nabi dan Rasul kepada Orang Asli secara perlahan-lahan, berulang-ulang dan bertahap.

Topik Syariah

Kajian mendapati topik syariah tidak menjadi fokus perbincangan Orang Asli bersama pendakwah. Berbeza dengan topik akidah, masyarakat Orang Asli tidak mengemukakan pertanyaan yang melibatkan topik syariah kepada pendakwah kecuali isu-isu yang berkaitan dengan fenomena yang melibatkan orang Islam yang mengamalkan syariah seperti mengapa ada orang Islam yang tidak berpuasa dan mengapa talak hanya kepada kaum wanita sahaja. Kajian juga mendapati ada beberapa perkara yang melibatkan syariah seperti soal halal haram dalam pemakanan dan penutupan aurat mendapat tempat dalam pengetahuan mereka. Walau bagaimanapun, daripada aspek penghayatannya agak sukar untuk dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, menurut Ramlee (2015) Orang Asli mempunyai persepsi bahawa ajaran Islam sukar diamalkan. Ibadah solat misalnya dianggap menyusahkan dan membebankan Orang Asli untuk dikerjakan. Mereka menganggap solat menghalang aktiviti harian. Mereka tidak bersedia menyediakan pakaian yang sesuai untuk solat. Di samping itu, mereka sukar menuturkan bacaan dalam solat yang menggunakan bahasa Arab. Tambahan pula, menurut Che Nur Hasnah et al (2018) Orang Asli beranggapan agama Islam mempunyai banyak larangan seperti dalam pemakanan yang menyebabkan mereka sukar menghayati ajaran Islam walaupun sudah memeluk agama Islam.

Kajian mendapati, walaupun tiada soalan yang dikemukakan kepada pendakwah dalam topik syariah, ini tidak bermakna proses pembelajaran dan pengajaran tidak berlaku. Justeru, pendakwah mengambil inisiatif menerangkan asas-asas syariah seperti ibadah dan munakahat

kepada masyarakat Orang Asli muslim. Dalam perkara ibadah, peserta kajian memilih untuk memberikan fokus kepada aspek kebersihan, wuduk, solat dan puasa. PK 5, misalnya, menerangkan kepentingan menjaga kebersihan dan penampilan diri walaupun dia menyedari bahawa bab kebersihan merupakan suatu yang sensitif dalam kalangan Orang Asli. Ini kerana berdasarkan kajian Wan Afizi, Shahruddin & Noraiah (2014) mendapati masyarakat Orang Asli kurang menitikberatkan soal kebersihan. Sementara itu PK 3, PK 5 dan PK 7 memilih tajuk tentang najis dengan mengemukakan persoalan jenis-jenis najis dan cara menyucikannya khususnya mengenai najis *mughallazhah*. Pendakwah menggunakan medium berasaskan penglihatan (visual) seperti gambar dan pendekatan komunikasi sentuhan terhadap alat-alat bantu belajar contohnya seperti tanah, batu, dan kulit kayu. Selain itu, kaedah samak juga merupakan tajuk yang diberi perhatian dan diulang beberapa kali kerana kebanyakan Orang Asli membela anjing sebagai haiwan peliharaan. Manakala PK 1, PK 4, PK 6, PK 7 dan PK 8 mempunyai pengalaman mengajar masyarakat Orang Asli muslim cara-cara mengerjakan wuduk secara teori dan praktikal. Dalam konteks bab solat, semua peserta kajian berpengalaman mengajar solat secara teori dan praktikal. Antara kaedah yang digunakan ialah membaca lafaz dan bacaan solat dalam bahasa Arab secara beramai-ramai dan mempraktikkan solat fardu berjamaah.

Begini juga dengan bab puasa apabila Orang Asli tidak bertanyakan persoalan-persoalan asas mengenai ibadah tersebut kecuali ada dalam kalangan mereka meminta penjelasan tentang gelagat segelintir orang Melayu Islam yang mereka kenali tidak berpuasa di bulan Ramadhan. Sehubungan dengan itu, bagi menempatkan pengetahuan puasa pada diri mereka, peserta kajian seperti PK5, PK 6 dan PK9 mengajar bab puasa terutama asas-asas kefarduan berpuasa. Kaedah yang digunakan adalah sebagaimana mengajar kanak-kanak Orang Islam berpuasa. Fokus yang diberikan adalah bertujuan melatih mereka supaya berpuasa. Di samping itu, ia dilakukan untuk membentuk persepsi masyarakat Orang Asli terhadap kewajipan berpuasa sehingga mereka mampu melaksanakannya mengikut tahap kemampuan mereka.

Dalam konteks bab munakahat pula, kajian mendapati masyarakat Orang Asli muslim tidak mempunyai maklumat tentang asas-asas perkahwinan dalam Islam. Sebaliknya mereka hanya bertanyakan tentang proses dan prosedur perkahwinan mengikut undang-undang keluarga Islam di negeri Selangor. Ini termasuklah proses permohonan perkahwinan yang melibatkan wali yang bukan beragama Islam dan tatacara berurus dengan pihak mahkamah syariah bagi kes-kes tertentu. Kajian mendapati bahawa mereka mahu meneruskan perkahwinan mengikut adat dan kepercayaan Orang Asli walaupun mereka telah berkahwin mengikut syarak. Menurut PK 6, selepas proses akad nikah secara syarak dijalankan, perkahwinan mengikut adat masyarakat Orang Asli yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam boleh diamalkan untuk tujuan memahami adat budaya dan menghormati kaum keluarga yang masih belum Islam. Ini kerana, dalam hasil kajian Ahmad Fauzi et al. (2017) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Orang Asli mualaf di Selangor tentang kepentingan dan kelebihan perkahwinan dalam Islam merupakan item peratusan paling tinggi sebagai salah satu faktor tarikan Orang Asli untuk memeluk agama Islam. Di samping itu, PK 3 dan PK7 berpengalaman menjelaskan perkara-perkara asas munakahat dalam Islam termasuk persoalan perceraian. Ini kerana berdasarkan maklumat daripada pihak Majlis Agama Islam Selangor terdapat kes-kes tertentu di mana ada pasangan Orang Asli yang bercerai mengikut adat dan berkahwin dengan orang lain juga mengikut adat sedangkan mereka beragama Islam.

Kajian mendapati masyarakat Orang Asli menyedari bahawa Islam milarang makan binatang tertentu dan minum minuman keras seperti arak. Menurut PK, kebanyakan masyarakat Orang Asli mendapat pendedahan tentang halal dan haram daripada pelbagai sumber maklumat. Ada kalangan masyarakat Orang Asli beranggapan bahawa binatang-binatang yang diharamkan untuk dimakan mempunyai kelebihan dan kebaikan daripada sudut lojik akal mereka. Sehubungan dengan itu, menurut PK5, pengharaman binatang tersebut boleh dijelaskan mengikut habitat binatang tersebut. Namun yang lebih penting ialah pengharaman itu kerana ia adalah mengikut perintah Allah SWT yang mengharamkannya. Begitu juga dengan pengharaman arak, PK 1, PK7, dan PK9 mengaitkannya dengan kesan buruk selepas meminum arak seperti kemalangan, pertengkaran dalam masyarakat dan perceraian dalam rumah tangga. Kajian mendapati bahawa kebanyakan masyarakat Orang Asli memahami bahawa penjagaan aurat penting dalam kehidupan sebagai seorang muslim. Walau bagaimanapun, mereka hanya mempraktikkannya ketika menghadiri kelas fardu ain. Berdasarkan keterangan PK1, PK3, PK4 dan PK6, ada kalangan wanita Orang Asli muslim berpandangan bahawa pemakaian menutup aurat seperti mengenakan tudung di kepala boleh menimbulkan pelbagai persepsi dalam masyarakat mereka. Justeru mereka memilih untuk tidak mempraktikkannya dengan cara yang sebenar kecuali dalam keadaan dan suasana tertentu sahaja.

Kesimpulan

Kajian mengenai pengetahuan tentang agama Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli muslim merupakan kajian yang penting bagi menunjukkan penghayatan mereka terhadap agama Islam. Pengetahuan asas tentang akidah dan syariah merupakan teras dalam menghayati dan mengamalkan agama Islam. Kajian boleh menjurus kepada pengetahuan sedia ada tentang topik-topik yang terkandung dalam akidah dan syariah serta kefahaman mereka terhadap pengetahuan tersebut. Kemahiran mengenal pasti aras pengetahuan dan kefahaman mereka amat diperlukan bagi mempertingkatkan penghayatan terhadap ajaran Islam. Ini termasuklah kemahiran memberi maklum balas terhadap persoalan berkaitan dan kemahiran bertanya dalam persoalan berkaitan. Di samping itu, kajian berkenaan hubungan antara topik akidah dengan syariah amat penting bagi mengenal pasti aspek kepercayaan yang melibatkan *worldview* sesuatu yang dipercayai dengan amalan yang menzahirkan bukti kefahaman dan penghayatan terhadap kepercayaan tersebut. Justeru, apabila persoalan syariah tidak mendapat tempat dalam pengetahuan Orang Asli melalui perbincangan yang dilakukan bersama pendakwah, seolah-olah aspek kepercayaan tidak dapat dibuktikan melalui ketaatan kepada Pencipta yang Maha Berkuasa melalui amalan ibadah berbanding amalan ritual yang dilakukan ketika belum beragama Islam dalam bentuk pemujaan dan sebagainya. Ini kerana di dalam Islam aspek akidah dan syariah adalah sesuatu ikatan yang saling bertaut sebagai bukti bahawa seseorang adalah muslim sejati. Dengan kata lain, akidah tanpa syariah atau syariah tanpa akidah tidak melambangkan jati diri seseorang muslim. Pihak-pihak berkepentingan dengan dakwah Orang Asli di Malaysia seharusnya mempunyai pengkalan data tentang keperluan-keperluan dakwah yang boleh merumuskan tentang potensi dakwah kepada golongan minoriti tersebut. Ini memerlukan penglibatan para pendakwah aktif yang bertindak sebagai pemangkin budaya dakwah berkesan.

Rujukan

- Abdul Ghafar Don. (2014). Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: menggapai literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(2), 59-70.
- Ahmad Fauzi Shahar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mohd Hakim Arshad, Ahmad A'toa' Mokhtar, & Zulkefli Aini (2017). Faktor Tarikan Masyarakat Orang Asli Memeluk Islam Di Selangor. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017) anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada 1-2 Ogos 2017 di Hotel Putra Kuala Lumpur.
- Anon (2002). Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Arabestani, M., & Edo, J. (2011). The Semai's Response to Missionary Work: From Resistance to Compliance. *Anthropological Notebooks*, 17(3), 5-27.
- Azyantee Mohd Zawawi. (2013). Amalan Tabu Suku Mah Meri Tanjung Sepat, Banting Selangor. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 6(2), 155-169.
- Che Nur Hasanah Che Hussain, Mariam Abd. Majid & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah (2018). Perspsi Masyarakat Orang Asli Terhadap Islam Di kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*. Bil. 2. No. 1, 89-107.
- Faiz Abdul Rahim (2018). Domain Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hawwa, Sa`id (2007). *Allah Subhanah wa Ta`ala*. S. Ahmad Malihyr (penterjemah). Ampang: Pekan Ilmu Publications.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Data Pengislaman Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Bahagian Dakwah (Orang Asli), JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2014). *Data Maklumat Asas*. Bahagian Perancangan dan Penyelidik. JAKOA.
- Jo Komar & W.A. Amir Zal (2014). *Adat Orang Asli Suku Temuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma`Rof Redzuan & Abdul Razak Abdul Rahman (2008). Integrasi Orang Asli dalam Masyarakat Arus Perdana. Dalam Ma`Rof Redzuan dan Sarjit S. Gill (editor), *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Khairulnazrin bin Mohd Nasir, Muhammad Syafee Salihin Hasan & Ishak bin Haji Sulaiman (2016). Kepercayaan Animisme Menurut Perspektif Sunnah Nabawi Dan Ahli Antropologi Barat: Satu Kajian Awal. *Jurnal Pengajian Islam*. Bilangan 9, Isu II, 149-176.
- Ramlee Abdullah (2014). *Orang Asli: Pembangunan dan Transformasi*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

- Ramlee Abdullah (2015). Cabaran Dakwah Dalam Masyarakat Orang Asli. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pembangunan Insan Pemimpin Masyarakat Orang Asli pada 7-9 November 2015 di The Grand Beach Resort Port Dickson Negeri Sembilan, anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shahruddin Ahmad & Noraziah Ali (2014). Faktor Budaya dan Persekutaran dalam Prestasi Pendidikan Anak Orang Asli Malaysia: Kajian Kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 10(5), 107-122.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don & Nur Usrah Ahmad Fauzi (2018). Topik-Topik Komunikasi Dakwah Dalam Mesej Akidah Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Sains Insani* 3(20), 15-21.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh & Nur Damia Husna Nor Sad (2019). Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Bimbingan Fardu Ain Orang Asli Muslim Di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*. 4(17), 33-47.